

31/01/1998

Bersatu jayakan Sukan Komanwel Ke-16

Noor Haslinda Hamdan

MALAYSIA berjaya mencatatkan kejayaan apabila terpilih sebagai penganjur Sukan Komanwel ke-16. Hasil usaha pemimpin negara yang berterusan akhirnya mendapat ganjaran. Negara Malaysia maju setapak lagi dengan kejayaan ini.

Kini, segala impian dan harapan semakin terbalas. Wawasan 2020 yang diasaskan akan terlaksana dengan adanya kejayaan negara yang akan melaksanakan sukan itu dari segala aspek seperti pengurusan, penginapan pemain dan tempat pertandingan. Peluang seperti ini tidak selalu tiba dan kali ini Malaysia boleh dikatakan bertuah kerana akan melaksanakan sukan yang berprestij ini.

Mampukah negara Malaysia melaksanakan sukan ini? Inilah di antara persoalan yang sering ditimbulkan negara-negara lain buat masa ini. Tetapi kita sebagai rakyat negara ini yang berani tidak seharusnya gentar dengan soalan ini. Kita seharusnya menunjukkan kepada negara luar bahawa negara Malaysia akan memberikan yang terbaik walaupun dalam kegawatan ekonomi. Bak kata pepatah `ringan sama dijinjing, berat sama di pikul' begitulah yang harus kita praktikkan. Biarlah kita sama-sama menjayakan Sukan Komanwel yang berprestij ini dengan gilang-gemilang.

Apa yang sebenarnya kita harapkan dari Sukan Komanwel ini bukanlah ganjaran yang besar, tetapi cukuplah hanya untuk membuktikan negara Malaysia juga setanding dengan negara-negara lain di dunia. Kita hanya mahu membuktikan negara kita adalah seperti pepatah `duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara lain. Kita juga harus membuktikan kita mampu memikul tugas yang berat kerana negara kita adalah diibaratkan seperti sebuah kapal yang mana kelasinya adalah rakyat yang amat setia kepada nakhodanya iaitu pemimpin yang berkaliber seperti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan negara yang tercinta.

Dengan adanya semangat kesetiaan dan kesukanan, kita pasti dapat melakukannya walau aral datang melintang. Benteng yang akan kita bina dengan dua semangat ini sudah pasti tidak akan dapat dirobohkan walaupun panas atau ribut datang melanda. Semoga dengan apa yang kita usahakan selama ini akan terbalas dengan satu kenangan manis yang akan terpahat di lubuk hati setiap rakyat Malaysia tidak kira tua, muda, miskin, atau kaya.